

R 8480 DEB  
MAHATHIR - KAFIR  
(I)

1984  
KUALALUMPUR, 31 DIS. (BERNAMA) -- UNDANG-UNDANG MENGENAI ISU  
MENGKAFIR AKAN DIRANGKA OLEH JABATAN PECUAM NEGARA SEBAIK-BESK SAHAJA  
MENDAPAT PERSETUJUAN KABINET, KATA DATUKSERI DR. MAHATHIR MDHAMAD  
HARI INI.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU BERNAMA BAHAWA KERAJAAN MASIH LAGI  
MENGKAJI PERAKUAN-PERAKUAN YANG DIBUAT OLEH MAJLIS RAJA-RAJA DALAM  
MESYUARAT KHASNYA PADA 3 DIS. SUPAYA SATU UNDANG-UNDANG DIGUBAL BAGI  
MENCEGAH PERBUATAN MENUDUH ORANG-ORANG ISLAM LAIN SEBAGAI KAFIR.

BELIAU BERKATA BAHAWA JIKA KERAJAAN PERSEKUTUAN MENGADAKAN  
UNDANG-UNDANG ITU DAN JIKA IA DALAM BIDANG KUASA KERAJAAN NEGERI,  
BIASANYA KERAJAAN NEGERI AKAN MENGGUNAKANNYA SEBAGAI GARISPANDUAN.

DATUKSERI DR. MAHATHIR BERKATA UNDANG-UNDANG MENGENAI ISU  
MENGKAFIR TERPAKSA DIRANGKA OLEH PARAPENASIHAT UNDANG-UNDANG DI  
JABATAN PEGUAM NEGARA KERANA IA ADALAH PERKARA YANG KOMPLEKS.

+MEMANDANGKAN KOMPLEKSNYA PERKARA INI, IA TERPAKSADIRUJUK  
KEPADA PEGUAM NEGARA DAN NASIHATNYA DIMINTA KERANA SAYA BUKAN  
SEORANG PEGUAM DAN TIDAK BERKEBOLEHAN UNTUK MERANGKA UNDANG-UNDANG  
ITU, + KATANYA.

DATUKSERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA BELIAU AKAN MENGEMUKAKAN  
CADANGAN MENGENAI PEMBENTUKAN UNDANG-UNDANG ITU KEPADA KABINET UNTUK  
DIBINCANGKAN SECEPAT MUNGKIN.

KATANYA KABINET BELUM LAGI MEMBINCANGKAN PERKARA ITU KERANA  
BELIAU MEMBUAT LAWATAN RASMI KE LUAR NEGERI MANAKALAPADA MASA INI  
PULAKEBANYAKAN MENTERI SEDANG BERCUTI.

PERSIDANGAN MAJLIS RAJA-RAJA TELAH MEMUTUSKAN BAHAWA HARAM BAGI  
SESEORANG ISLAM MENUDUH SEORANG ISLAM YANG LAIN KAFIR DAN MEREKA YANG  
MELAKUKANNYA HENDAKLAH BERTAUBAT.

MAJLIS RAJA-RAJA JUGA MENGARAHKAN PERDANA MENTERI MENGAMBIL  
TINDAKAN TEGAS MENCEGAH PERBUATAN ITU UNTUK MENGELAKKAN PERPECAHAN  
DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM.

BERIKUTAN DENGAN ITU DATUKSERI DR. MAHATHIR PERNAH MEMBERITAHU  
PARAWARTAWAN BAHAWA KERAJAAN MUNGKIN MENGUBAL UNDANG-UNDANG BARU  
UNTUK MENCEGAH PERBUATAN MENGKAFIR. -- BERNAMA.

1503MST 31 12 84